



Headline: Kes 'Macau Scam' di daerah Manjung Menurun
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 4 July 2018

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 14

Kes 'Macau Scam' di daerah Manjung Menurun

LUMUT: Kes penipuan melibatkan panggilan telefon atau 'Macau scam' di Manjung mencatatkan penurunan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini kepada 23 kes berbanding 36 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Manjung DSP Chong Boo Khim berkata angka itu melibatkan kerugian seban-

yak RM638,962 berbanding kira-kira RM1.144 juta bagi tempoh sama tahun lepas.

“Bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini juga kami berjaya menahan lapan suspek termasuk dua wanita yang terlibat dalam kes berkaitan,” katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Katanya kes disiasat menurut Seksyen 420 Kanun

Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda.

Pada masa sama Chong menyeru orang ramai agar terus berwaspada dengan kegiatan sindiket itu yang menggunakan pelbagai kaedah untuk memperdayakan masyarakat. — Bernama